

Isi tempat kosong dengan perkataan kata bantu yang paling sesuai.

1. Kerja-kerja membangunkan kawasan taman sains itu _____ siap sebulan yang lalu.

telah	masih	mesti	sedang
-------	-------	-------	--------

2. Kita _____ berhati-hati semasa melintas jalan raya.

masih	mesti	sudah	sedang
-------	-------	-------	--------

3. "Jangan sekali-kali minum air yang _____ dimasak," pesan Cikgu Azizah.

akan	sudah	hendak	belum
------	-------	--------	-------

4. Semua bangku di taman itu _____ digantikan dengan yang baharu tidak lama lagi.

sudah	akan	sedang	masih
-------	------	--------	-------

5. Sekiranya kita _____ berjaya, kita mestilah meningkatkan usaha dengan banyak mengulang kaji pelajaran.

hendak	akan	masih	mesti
--------	------	-------	-------

6. Walaupun sudah pulih tetapi dia _____ belum boleh berjalan dengan baik.

masih	hendak	mesti	sudah
-------	--------	-------	-------

7. Ameerah _____ ke Kuala Lumpur pada bulan hadapan.

telah	sedang	akan	sudah
-------	--------	------	-------

8. Kita _____ lah bijak memilih kawan sekiranya kita ingin berjaya.

sedang	mesti	telah	hendak
--------	-------	-------	--------

9. Semua pendatang tanpa izin _____ dihantar ke negara asal mereka pada bulan depan.

telah	masih	belum	akan
-------	-------	-------	------

10. Rania _____ mengulang kaji pelajaran di dalam biliknya.

telah	sedang	akan	belum
-------	--------	------	-------

11. Datuk _____ belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.

masih	telah	akan	sudah
-------	-------	------	-------

12. Buah mangga ini _____ dibasuh sebelum dimakan.

sudah	mesti	mahu	dapat
-------	-------	------	-------

13. Puan Diyana _____ menuntut di Universiti Al-Azhar dalam bidang perubatan.

sudah	pernah	telah	belum
-------	--------	-------	-------

14. Kamu _____ berhati-hati ketika melalui jalan yang licin itu.

mesti	akan	mahu	dapat
-------	------	------	-------

15. Saya _____ cuba memujuk adik yang sedang menangis itu.

akan	dapat	mahu	masih
------	-------	------	-------